

10/01/1997

Sekolah satu sesi tetap dilaksana: PM (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

ALOR STAR, Khamis - Kerajaan tetap akan melaksanakan persekolahan satu sesi bagi memelihara kepentingan pelajar walaupun cadangan itu tidak dipersetujui oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, cadangan pelaksanaan persekolahan satu sesi, yang dijadualkan berkuatkuasa pada 9 Jun depan, hanya dibantah oleh KPPK, bukannya semua guru.

"Sebaliknya kita dapati ramai guru yang bersetuju dengan persekolahan satu sesi ini, cuma KPPK saja yang tidak bersetuju. Kita tidak membuat sesuatu untuk merugikan sesiapa," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menghadiri perjumpaan dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) selepas lawatan sehari ke kawasan pilihan rayanya, Kubang Pasu, hari ini.

Disember lalu, KPPK menghantar memorandum kepada Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya pelaksanaan projek perintis sekolah satu sesi mulai tahun ini dibatalkan.

Presidennya, Abu Bakar Shawkat Ali dilaporkan berkata, memorandum itu mengandungi beberapa rasional pembatalan projek perintis itu, termasuk pelbagai kesan negatif terhadap proses pembelajaran pelajar dan beban terhadap ibu bapa.

Tempoh persekolahan harian yang panjang bermula dari jam 8 pagi hingga 4.30 petang itu dikatakan boleh menyebabkan pelajar mengalami masalah terlalu penat sehingga mengganggu tumpuan pembelajaran mereka.

Setiausaha Agung KPPK, N Siva Subramaniam kelmarin pula berkata, pihaknya akan membawa sekolah yang melaksanakan konsep persekolahan satu sesi sebelum tarikh sebenar ia dikuatkuasakan 9 Jun depan, ke mahkamah.

Beliau mendakwa lebih 20 sekolah di seluruh negara melaksanakan konsep sekolah satu sesi walaupun Kementerian Pendidikan menegaskan projek perintis itu hanya mula dilaksanakan pada tarikh berkenaan.

KPPK dilaporkan akan memanggil mesyuarat Exconya tidak lama lagi bagi memutuskan tindakan undang-undang terhadap sekolah berkenaan. Mesyuarat itu juga akan membincangkan konsep sekolah satu sesi lanjutan masa berkenaan.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan, kerajaan tidak akan melakukan sesuatu yang merugikan pihak tertentu walaupun dalam melaksanakan persekolahan satu sesi, ia mungkin terpaksa membelakangkan kepentingan pihak lain.

"Kita mengutamakan pendidikan untuk pelajar dan dalam usaha mengutamakan kepentingan ini, kadang-kadang ada pihak berpendapat kepentingan mereka dibelakangkan," kata Perdana Menteri.

Mengenai panel penasihat Koridor Raya Multimedia (MSC), Dr Mahathir menjelaskan, 26 ketua pegawai eksekutif (CEO) pelbagai syarikat komputer dan industri teknologi maklumat (IT) terkemuka dunia, termasuk Microsoft, NTT dan Acer sudah bersetuju menganggotainya.

Beliau akan menemui 22 daripada mereka dalam lawatannya ke Amerika Syarikat, bermula Isnin ini.

"Kita sudah menjemput ramai lagi CEO dari syarikat IT terkemuka di seluruh dunia dan setakat ini 26 bersetuju menjadi anggota panel penasihat," katanya.

MSC yang ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat merangkumi kawasan seluas 15 kilometer kali 50 kilometer dari pusat bandar Kuala

Lumpur hingga Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Turut dibangunkan dalam koridor itu ialah Bandar Putra Jaya dan Bandar Siberyang akan dilengkapi infrastruktur komunikasi supaya semua urusan boleh dibuat melalui multimedia.

(END)